

PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP) 2020 – 2024



PLANMalaysia@Selangor

(JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR)

PERANCANGAN MELANGKAUI KELAZIMAN

Keluaran : Ogos 2022

ISI KANDUNGAN

PRAKATA	2
BAB 1 : PENGENALAN	
1.1 KENALPASTI RASUAH	4
1.2 PENCEGAHAN RASUAH DI MALAYSIA	5
1.3 SEKTOR YANG CENDERUNG KEPADA RASUAH	6
1.4 BIDANG-BIDANG BERISIKO PLANMALAYSIA@SELANGOR	7
1.5 KERANGKA PELAN ANTI RASUAH NASIONAL (NACP)	8
1.6 PEMBANGUNAN PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP)	9
1.7 LANGKAH-LANGKAH PELAKSANAAN OACP	10
1.8 SENARIO PELAN ANTI RASUAH	11
BAB 2 : PENILAIAN RISIKO RASUAH JABATAN	
2.1 VISI DAN MISI JABATAN	18
2.2 FUNGSI UTAMA JABATAN	19
2.3 AKTIVITI-AKTIVITI FUNGSI UTAMA JABATAN	20
2.4 PIAGAM PELANGGAN	25
2.5 KOMPONEN PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH	26
BAB 3 : PELAN TINDAKAN ANTI RASUAH JABATAN	
3.1 BIDANG KEUTAMAAN 1 : PENGAWALAN PERANCANGAN	28
3.2 BIDANG KEUTAMAAN 2 : PERANCANGAN KORPORAT	32
3.3 BIDANG KEUTAMAAN 3 : RANCANGAN PEMBANGUNAN	35
3.4 BIDANG KEUTAMAAN 4 : PENTADBIRAN DAN KEWANGAN	38
BAB 4 : TADBIR URUS	
4.1 STRUKTUR PENTADBIRAN JABATAN	43
4.2 KERANGKA PELAKSANAAN PELAN ANTI RASUAH JABATAN	44
4.3 MEKANISME PENYELARASAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN	45
BAB 5 : PEMBANGUNAN PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH JABATAN	47
PENUTUP	55
PASUKAN TASKFORCE	56
PENERANGAN SINGKATAN	57

PRAKATA

Pelan Anti Rasuah Organisasi ini disediakan selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri Siri 2 No. 1 Tahun 2019 – Pemantauan *Governans*, Integriti dan Anti Rasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia : Pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Nasional. Ianya disediakan untuk menjadi panduan PLANMalaysia@Selangor (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor) bagi menangani isu-isu berkaitan integriti dan rasuah untuk tempoh pemakaian 2020 hingga 2024 (5 tahun).

Pelan ini mengandungi Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) yang akan melaporkan aktiviti-aktiviti pencegahan dan pemantauan integriti dan rasuah yang dilaksanakan di PLANMalaysia@Selangor secara berkala (setiap tahun) mengikut tindakan-tindakan yang digariskan.

Pelan Anti Rasuah ini perlu dilaksanakan dan difahami oleh setiap lapisan pegawai dan Pelaporan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah perlu dipantau dan dilaporkan untuk memastikan PLANMalaysia@Selangor dapat mencegah amalan rasuah di dalam melaksanakan tanggungjawab.



BAB 1

PENGENALAN

Merujuk kepada Pelan Anti Rasuah Nasional 2019-2023, perkataan rasuah berasal daripada Bahasa Latin ‘*corruptus*’ (rosak) dan ‘*corrumpere*’ (merosak dan berpecah menjadi kepingan kecil). Menjelang pertengahan abad ke-14, *corruption* dan *corrupcion* merujuk kepada pereputan fizikal badan dan pencemaran jiwa serta keadaan moral dan rohani.

Daripada segi hubungan manusia dengan Tuhan dan manusia dengan manusia, rasuah atau fasad bermaksud segala keburukan dan ketidakadilan, pemberontakan terhadap perjanjian dengan Tuhan dan menindas orang lain, sehingga gagal mengakui hak Tuhan, manusia dan ciptaan lain.

‘Rasuah’ menurut Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) adalah –


“penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan upah dan diskaun”.

Integriti dan tadbir urus merupakan penyelesaian bersama kepada gejala rasuah. Rasuah tidak akan berlaku sekiranya seseorang individu itu berintegriti dan konsisten dalam melakukan perkara yang betul walaupun tiada orang yang melihat tindakannya.

1.2

PENCEGAHAN RASUAH DI MALAYSIA

Dalam menuju ke arah status negara maju dan berpendapatan tinggi, agenda pembanteras rasuah telah menjadi keutamaan negara. Beberapa inisiatif utama di peringkat nasional telah dilaksanakan secara aktif bermula pada 2004 hingga kini.




1.3

SEKTOR YANG CENDERUNG KEPADA RASUAH : 2013 – 2018

Berdasarkan aduan yang diterima oleh SPRM melibatkan keseluruhan organisasi, pengurusan dan pentadbiran mendapati sektor perolehan adalah sektor tertinggi yang cenderung kepada rasuah.

PERATUSAN SEKTOR YANG CENDERUNG KEPADA RASUAH 2013 – 2018



Sumber : Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Rumusan : Sektor Perolehan adalah sektor yang menerima aduan tertinggi dan perlu diberi perhatian untuk mengurangkan atau mencegah gejala rasuah demi menjaga nama baik Kerajaan serta meningkatkan sistem penyampaian yang lebih berkesan.

1. PENGAWALAN PERANCANGAN

- Ulasan perancangan kepada PBT/ Jabatan/ Agensi dan lain-lain berdasarkan rujukan RT/ RSN/ RKK yang diwartakan. Ulasan juga perlu konsisten, telus dan mematuhi prosedur yang ditetapkan dalam tempoh masa yang ditentukan.
- Pelaksanaan JT KSAS yang telus, berkala, mematuhi norma dan mematuhi ulasan/ pandangan ternikal yang ditetapkan berdasarkan rujukan yang sah dari segi undang-undang.
- Pelan zoning yang disediakan adalah konsisten, tepat dan mematuhi dokumen yang diwartakan.

2. PERANCANGAN KORPORAT

- Pengurusan JPN yang mematuhi prosedur yang ditetapkan.
- JKT-JPNS dilaksanakan mematuhi prosedur norma masa dan telus dalam membuat keputusan.

3. RANCANGAN PEMBANGUNAN

- Penyediaan RT/RKK/RSN yang menepati kaedah yang ditetapkan dan juga berdasarkan peruntukkan perundangan Akta 172.
- Penyedia RT/RKK/RSN menepati Manual Rancangan Pemantauan yang berkaitan dan disediakan secara teknikal seta memenuhi tatacara penyediaan.
- Pelaksanaan JK SIA yang telus.
- Proses kelulusan/ Pemantauan RT/ RKK/ RSN mematuhi peruntukkan dan prosedur yang ditetapkan.

4. PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

- Kebocoran maklumat tender/ sebutharga/ kontrak.
- Bayaran dibuat bekalan tidak diterima/ tidak mengikut spesifikasi.
- Salahguna kuasa dalam pemilihan tender dan sebutharga.
- Pakatan dengan kontraktor/ pembekal.

1.5

KERANGKA PELAN ANTI RASUAH NASIONAL (NACP) 2020 – 2023

VISI

“KE ARAH NEGARA BEBAS RASUAH”

MISI

- ❖ Menegakkan Kedaulatan Undang-Undang
- ❖ Meningkatkan Kecekapan, Ketelusan dan Akauntabiliti Kerajaan Berasaskan Tadbir Urus
- ❖ Mewujudkan Persekitaran Perniagaan Yang Bersih

MATLAMAT

- ❖ Akauntabiliti dan Kredibiliti Kehakiman, Pendakwaan dan Agensi Penguatkuasa Undang-Undang
- ❖ Kecekapan dan Responsif dalam Penyampaian
 - ❖ Integriti dalam Perniagaan

BIDANG KEUTAMAAN

- ❖ Pengawalan Perancangan
 - ❖ Perancangan Korporat
 - ❖ Rancangan Pembangunan
 - ❖ Pentadbiran dan Kewangan



STRATEGI

- ❖ Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam
- ❖ Mempertingkat Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam
 - ❖ Memupuk Tadbir Urus Baik dalam Entiti Korporat

1.6

PEMBANGUNAN PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP)

Dalam mendukung usaha pemantapan *governans*, integriti dan anti rasuah dalam sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan, Jabatan melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018, Siri 2 No. 1 Tahun 2019 telah diarahkan untuk mewujudkan Pelan Anti Rasuah Organisasi/ *Organisational Anti-Corruption Plan (OACP)* di bawah :

- Setiap Jabatan Kerajaan hendaklah membangunkan OACP di peringkat organisasi berkuatkuasa daripada tarikh NACP dan Arahan YAB Perdana Menteri Siri 2 No. 1 Tahun 2019, Pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Nasional dikeluarkan.
- Penyelarasan pembangunan dan pelaksanaan OACP dipertanggungjawabkan kepada Ketua Jabatan dan diselaraskan oleh Unit Integriti.
- Ruang lingkup pelaksanaan OACP adalah meliputi aspek *governans*, integriti dan anti rasuah dalam organisasi serta melibatkan semua bidang dan aktiviti yang ada di dalam organisasi.

MELANTIK PASUKAN TASKFORCE

- ❖ Pelantikan Pengerusi dan pembedakan Pasukan *Taskforce* bagi penyediaan pelan anti rasuah peringkat Jabatan.

MELAKSANAKAN ANALISIS PERSEKITARAN

- ❖ Proses menilai data menggunakan *analytical tools* dan *statistic* untuk mencari maklumat berguna dan membantu dalam pembuatan keputusan.

MENETAPKAN HALATUJU DAN MERANGKA PELAN ANTI RASUAH

- ❖ Satu disiplin untuk membangunkan pelbagai senario masa hadapan yang dibayangkan di mana keputusan tentang masa depan dibuat.

MENDAPATKAN PENGESAHAN DAN PERSETUJUAN PENGURUSAN TERTINGGI

- ❖ Dibentangkan dan dikemukakan kepada Pengurusan Tertinggi untuk pertimbangan dan kelulusan.

HEBAHAN DAN PEMAKLUMAN

- ❖ Didokumenkan dan diedar kepada warga kerja untuk rujukan dan panduan pelaksanaan.

Dalam mendukung usaha pemantapan *governans*, integriti dan anti rasuah dalam sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan, Jabatan melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018, Siri 2 No. 1 Tahun 2019 telah diarahkan untuk mewujudkan Pelan Anti Rasuah Organisasi/ *Organisational Anti-Corruption Plan (OACP)* di bawah :

- Setiap Jabatan Kerajaan hendaklah membangunkan OACP di peringkat organisasi berkuatkuasa daripada tarikh NACP dan Arahan YAB Perdana Menteri Siri 2 No. 1 Tahun 2019, Pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Nasional dikeluarkan.
- Penyelarasan pembangunan dan pelaksanaan OACP dipertanggungjawabkan kepada Ketua Jabatan dan diselaraskan oleh Unit Integriti.
- Ruang lingkup pelaksanaan OACP adalah meliputi aspek *governans*, integriti dan anti rasuah dalam organisasi serta melibatkan semua bidang dan aktiviti yang ada di dalam organisasi.

1.8

SENARIO PELAN ANTI RASUAH PLANMALAYSIA@SELANGOR

SENARIO KESINAMBUNGAN

PENTADBIRAN SEKTOR AWAM	PEROLEHAN AWAM	TADBIR URUS KORPORAT
❖ OACP tercapai apabila semua pemegang taruh membudayakan integriti tetapi tidak berupaya bertahan (kesinambungan berterusan). ❖ Inisiatif yang dicadangkan adalah selari dengan keperluan dan kehendak semasa tetapi memerlukan penambahbaikan berterusan. ❖ Memperkukuhkan jati diri melalui program berkaitan tetapi tidak mampu sepenuhnya mencegah berlakunya penyelewengan integriti. ❖ Kepenggunaan pengurusan teknologi meningkat kualiti perkhidmatan awam namun rasuah masih berlaku dan dianggap amalan yang normal. ❖ Risiko telah dikenal pasti namun sikap tidak ambil peduli dan kepentingan diri menjadi isu pelaksanaan menangani rasuah dan integriti.	❖ Mampu meningkatkan ketelusan, integriti dan <i>governans</i> yang baik di agensi atau Jabatan di Negeri Selangor. ❖ Penyampaian perkhidmatan oleh agensi atau jabatan lebih telus dan berkesan. ❖ Pelaksanaan OACP memperkukuhkan pematuhan pekeling yang sedia ada. ❖ Dapat memperkukuhkan perolehan awam tetapi akan berlaku percanggahan sekiranya tidak seiring dengan peraturan dasar yang tidak konsisten.	❖ Keperluan untuk transformasi minda pembudayaan sumber manusia atau modal insan yang berorientasikan konsep amanah, berintegriti tinggi dan beretika. ❖ Pelan OACP telah dilancar dengan penerapan di Jabatan/ Agensi namun terdapat campur tangan dan salah guna kuasa yang berterusan. ❖ Penambahbaikan pemantauan segala program bagi pelaksanaan OACP setiap tahun. ❖ Pelaksanaan strategi tadbir urus yang baik tidak mampu sepenuhnya untuk mencegah penyelewengan, rasuah, penipuan dan segala aktiviti tidak di had dalam syarikat. ❖ Sentiasa memberi kesedaran tentang kepentingan komitmen yang tinggi dari semua peringkat bagi pelaksanaan OACP.

SENARIO KEKANGAN

PENTADBIRAN SEKTOR AWAM	PEROLEHAN AWAM	TADBIR URUS KORPORAT
❖ Tadbir urus yang baik tetapi personaliti individu yang mengabaikan sikap integriti dan kurang semangat kekitaan kepada organisasi. ❖ Kekangan bajet bagi membangunkan sistem teknologi dalam mengekang budaya rasuah. ❖ Kelemahan mekanisme dan kawalan dalaman bagi memantau OACP. ❖ Pengaruh negatif persekitaran luaran. ❖ Perjawatan warga kerja yang tidak seimbang dengan keperluan semasa operasi dan penempatan kakitangan di sesuatu tempat tidak efisien atau tidak sesuai.	❖ Kekurangan bajet dalam meningkatkan tatacara dan pemantauan pelaksanaan perolehan. ❖ Kekurangan sumber manusia di dalam mengurus perolehan : - kurang kakitangan - kurang kemahiran ❖ Kelemahan jabatan dalam mengenal pasti dan pemahaman dalam pelaksanaan Pelan Anti Rasuah. ❖ Kelemahan pelaksanaan pembudayaan dan menjadikan amalan baik dalam pelaksanaan perolehan “Biasakan yang betul, betulkan yang biasa”. ❖ Prosedur perolehan yang lama dan tidak dikemaskini. ❖ Lewat dalam menimbalguna peraturan atau pekeliling yang berkuatkuasa. ❖ Impak perubahan dalam politik, kepimpinan, ekonomi dan sosial mengubah kaedah perolehan kerajaan.	❖ Kerangka pelan tindakan atau inisiatif OACP Negeri Selangor memerlukan pembudayaan secara berterusan. ❖ Kelemahan mekanisme pembudayaan amalan tadbir urus korporat hanya mampu mengekang sebahagian permasalahan. ❖ Matlamat perkembangan pelaksanaan OACP tidak dilaksanakan berdasarkan jadual berkala yang telah dirancang. ❖ Kelemahan untuk mengkaji keberkesanan dalam melaksanakan penambahbaikan berterusan selari dengan misi dan visi organisasi. ❖ OACP tidak didukung dengan jayanya oleh sebab kelemahan organisasi dalam membantu pelaksanaan secara keseluruhan.

SENARIO MERUDUM

PENTADBIRAN SEKTOR AWAM	PEROLEHAN AWAM	TADBIR URUS KORPORAT
❖ OACP mampu menghalang dan mencegah penyelewengan atau salah guna kuasa dan rasuah. ❖ Kerangka Pelan OACP dapat meningkatkan kecekapan kualiti perkhidmatan awam. ❖ Pelaksanaan inisiatif OACP mampu melahirkan modal insan dan agensi beretika dan berintegriti tinggi. ❖ Meningkatkan kepercayaan rakyat atau masyarakat terhadap perkhidmatan kerajaan. ❖ Dapat mengoptimumkan penggunaan sumber bagi meningkatkan mutu perkhidmatan. ❖ Penyelewengan dan salah guna kuasa berleluasa. ❖ Pengabaian dan ketidakpatuhan pelaksanaan SOP berdasarkan pekeliling dan peraturan menjadi budaya dan sukar dibendung. ❖ Pekeliling pentadbiran yang sentiasa bertukar atau dipinda menyebabkan pekeliling terbaru kurang dipatuhi.	❖ Pengenalan inisiatif dalam Pelan Anti Rasuah Kerajaan Negeri Selangor dapat mengekang salah laku dalam pengurusan perolehan awam. ❖ Dapat mengurangkan kuasa monopoli dan pengaruh daripada anggota pentadbiran. ❖ Meningkatkan keberkesanan dan pengurusan perolehan awam melalui Pelan Anti Rasuah Nasional yang telah dilaksanakan. ❖ Melahirkan pegawai yang berkompentensi tinggi dalam menguruskan perolehan awam. ❖ Melalui sistem pengurusan pemantauan yang lebih sistematik dapat meningkatkan kebolehpercayaan masyarakat terhadap pengurusan perolehan masyarakat terhadap pengurusan perolehan awam kerajaan. ❖ Campur tangan kuasa politik dalam membuat keputusan perolehan masih berlaku. ❖ Sistem teknologi ICT yang telah dibangunkan disalahgunakan untuk kepentingan peribadi.	❖ Teguran audit berkaitan salah laku integriti atau rasuah semakin berkurang. ❖ Dapat mengekang dan menghadkan kuasa campur tangan ahli Lembaga Pengarah dan ahli politik. ❖ Wujud persekitaran perniagaan yang kondusif seterusnya menarik pelaburan tempatan dan asing. ❖ Membolehkan tadbir urus jabatan atau syarikat berjalan lancar dan melahirkan pengurusan tertinggi yang berintegriti ke arah dalam "Zero Corruption". ❖ Mewujudkan syarikat yang menggunakan modal dengan cekap dan mengambilkira kepentingan pelbagai pihak. Sentiasa memberi kesedaran tentang kepentingan komitmen yang tinggi dari semua peringkat bagi pelaksanaan OACP. ❖ OACP tidak mampu dicapai kerana kurang pendedahan dan amalan di setiap agensi korporat. ❖ Kekurangan pengetahuan OACP di setiap tadbir urus korporat.

SAMBUNGAN...

SENARIO MERUDUM

PENTADBIRAN SEKTOR AWAM	PEROLEHAN AWAM	TADBIR URUS KORPORAT
❖ Walaupun sistem kawalan anti rasuah wujud namun ia dapat dimanipulasi oleh pihak berkepentingan. ❖ Budaya kerja tidak berintegriti telah menjadi kebiasaan dalam kalangan warga kerja dan sukar dibendung.	❖ Konsortium atau kontraktor tertentu masih monopoli kerja atau projek antara jabatan atau agensi. ❖ Penyalahgunaan kuasa dan SOP dalam perolehan di peringkat pelaksana masih berlaku.	❖ Pemantauan kepada pelaksanaan OACP tidak dibuat secara berterusan. ❖ Kewujudan OACP gagal memberi impak dan kesedaran yang berkesan terhadap para pegawai dalam syarikat. ❖ Ketidakecapan sistem kawalan dalaman dan tadbir urus organisasi menyebabkan OACP tidak dapat dilaksanakan di organisasi. ❖ Kakitangan bawahan tidak didedahkan kepada Pelan Anti Rasuah dan bagaimana melaksanakannya. ❖ Tiada hubung kait dari <i>Top</i> dan <i>Bottom Management</i> dalam melaksanakan OACP secara keseluruhan. ❖ Masih terdapat segelintir kumpulan kakitangan yang menolak perubahan. ❖ Masih gagal mematuhi SOP, pekeliling peraturan yang dikeluarkan dikuatkuasakan. ❖ Masalah rasuah, penyalahgunaan kuasa, salah tadbir urus masih berlaku. ❖ Sistem penyampaian yang lemah dan kurang berkesan menyebabkan objektif OACP tidak tercapai.

BAB 2

PENILAIAN RISIKO RASUAH JABATAN

Pengenalpastian risiko merupakan salah satu aspek pengurusan yang perlu diberi perhatian untuk memastikan kualiti PLANMalaysia@Selangor sentiasa diberi perhatian. Selaras dengan itu, adalah menjadi keutamaan PLANMalaysia@Selangor agar memastikan penambahbaikan dan pemantapan sistem pengurusan risiko yang berkesan dapat menepati matlamat dan visi Jabatan.

Bagi menjamin pelaksanaan proses kerja yang berkesan, satu bentuk perancangan dan pelan tindakan perlu dirangka sewajarnya bagi memastikan Pelan Strategik PLANMalaysia@Selangor yang telah diwujudkan itu dapat dilaksanakan sepertimana yang diharapkan. Sehubungan dengan itu, satu Pelan Pengurusan Risiko Rasuah telah dikenal pasti dan sebanyak 14 risiko yang telah dikenal pasti yang berkemungkinan memberi kesan negatif kepada Jabatan dan sebanyak 53 inisiatif telah dirangka bagi menangani kesemua risiko tersebut.

Melalui pengkelasan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah ini, ia dapat membantu Jabatan dalam memantau akan mengawalselia setiap proses kerja di PLANMalaysia@Selangor. Perancangan dan pelaksanaan pengurusan risiko ini adalah dalam tempoh lima (5) tahun (2020–2024). Walau bagaimanapun, kajian semula dan semakan akan dilaksanakan secara berterusan agar ianya selaras dengan dasar dan strategi terkini PLANMalaysia@Selangor.

2.1

VISI DAN MISI JABATAN

VISI

Menjadi Peneraju
Perancangan
Bandar dan Desa
Ke Arah
Mewujudkan
Persekitaran
Kehidupan Yang
Berkualiti, Sejahtera
dan Mampan

MISI

Memacu
Perancangan Fizikal
Negara Melalui
Perlaksanaan dan
Pemantauan
Perancangan
Pembangunan
Yang Komprehensif,
Sistematik dan
Inovatif Ke Arah
Kesejahteraan
Masyarakat

BAHAGIAN PENGAWALAN PERANCANGAN (BPP)

- a. Unit Pemprosesan 1
- b. Unit Pemprosesan 2
- c. Unit Pemprosesan 3
- d. Unit Kawasan Sensitif Alam Sekitar
- e. Unit Penilaian Impak Sosial (SIA) Negeri Selangor

BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT (BPK)

- a. Unit Kawal Selia Perancangan
- b. Unit Perundangan dan Penyelarasan Dasar
- c. Unit Kualiti
- d. Unit Pembangunan Mampan

BAHAGIAN RANCANGAN PEMBANGUNAN (BRP)

- a. Unit Penyelidikan dan Pembangunan
- b. Unit Rancangan Pembangunan
- c. Unit Geospatial

BAHAGIAN PENTADBIRAN & KEWANGAN (BP&K)

- a. Unit Pentadbiran
- b. Unit Kewangan
- c. Unit Integriti
- d. Unit Perolehan, Pengurusan Aset dan Stor
- e. Unit Teknologi Maklumat
- f. Unit Latihan

2.3

AKTIVITI-AKTIVITI FUNGSI UTAMA JABATAN

Aktiviti-aktiviti dan fungsi utama Jabatan adalah berdasarkan kepada dokumen MS ISO 9001:2015 seperti berikut :

2.3.1 BAHAGIAN PENGAWALAN PERANCANGAN (BPP)

- a. Unit Pemprosesan 1
- b. Unit Pemprosesan 2
- c. Unit Pemprosesan 3
- d. Unit Kawasan Sensitif Alam Sekitar
- e. Unit Penilaian Impak Sosial (SIA) Negeri Selangor

☐ **AKTIVITI BPP**

- a. Ulasan Permohonan Perancangan

☐ **FUNGSI BPP**

- i. Menerima, memproses dan mengemukakan ulasan-ulasan ke atas semua permohonan berikut :
 - a. Permohonan ulasan perancangan dari PBT termasuk ulasan KM melalui sistem OSC Online;
 - b. Permohonan berkaitan perihal tanah dari PDT dan PTG seperti ubah syarat tanah, Tanah Kerajaan, LPS, Permit Bahan Batuan dari PDT;
 - c. Permohonan ulasan perancangan dari Jabatan/ Agensi Teknikal (Contoh : EIA); dan
 - d. Permohonan maklumat perancangan dari pelbagai agensi.
- ii. Memberi khidmat nasihat melalui mesyuarat dan perkhidmatan kaunter;
- iii. Urus Setia Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar;

- iv. Urus Setia Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Impak Sosial (SIA) Negeri Selangor; dan
- v. Urus Setia Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pelaksanaan OSC di PBT Negeri Selangor.

2.3.2 BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT (BPK)

- a. Unit Kawal Selia Perancangan
- b. Unit Perundangan dan Penyelarasan Dasar
- c. Unit Kualiti
- d. Unit Pembangunan Mampan

☐ AKTIVITI BPK

- a. Pengurusan Mesyuarat JPNS
- b. Pengurusan Aduan dan Maklum Balas Pelanggan

☐ FUNGSI BPK

- i. Urus Setia Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor yang ditubuhkan di bawah Seksyen 4 Akta 172;
- ii. Urus Setia Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor di bawah Seksyen 20A Akta 172;
- iii. Menyelaras permohonan projek pembangunan di bawah Subseksyen 22(2A), Akta 172 untuk diangkat ke Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN);
- iv. Menyelaras pemakaian garis panduan dan pelaksanaan Akta 172 oleh semua PBT di Negeri Selangor;
- v. Urus Setia persidangan dan perbincangan kes Lembaga Rayuan;
- vi. Melaksana dan menyelaras program pembangunan mampan di Negeri Selangor;

- vii. Mempromosikan perkhidmatan perancangan bandar dan desa kepada agensi kerajaan, swasta, badan-badan bukan kerajaan dan orang awam; dan
- viii. Menyelaras pengurusan kualiti Jabatan meliputi Pengurusan Aduan dan Maklum Balas Pelanggan dan MS ISO Jabatan.

2.3.3 BAHAGIAN RANCANGAN PEMBANGUNAN (BRP)

- a. Unit Penyelidikan dan Pembangunan
- b. Unit Rancangan Pembangunan
- c. Unit Geospatial

☐ AKTIVITI BRP

- a. Penyediaan Kajian Semula Rancangan Struktur Negeri
- b. Menyelaras penyediaan RT dan RKK selaras dengan Akta 172
- c. Penyediaan Kajian Khas
- d. Pengemaskinian Data Guna Tanah Geospatial

☐ FUNGSI BRP

- i. Menyediakan RSN (Kajian Semula RSN/ Pengubahan RSN) selaras dengan Akta 172;
- ii. Menyelaras penyediaan RT dan RKK selaras dengan Akta 172;
- iii. Menyemak dan memberi ulasan terhadap RT, RKK yang disediakan oleh PBT serta kajian-kajian perancangan atau yang berkaitan supaya selaras dengan RFN dan RSN;
- iv. Menjalankan kajian-kajian perancangan bukan statutori yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri;
- v. Melaksana Sistem Maklumat Perancangan Negeri Selangor (SISMAPS); dan

- vi. Memastikan penyediaan dan pelaksanaan RSN, RT dan RKK selaras dengan maklumat pangkalan data GIS Jabatan.

2.3.4 BAHAGIAN PENTADBIRAN & KEWANGAN (BP&K)

- a. Unit Pentadbiran
- b. Unit Kewangan
- c. Unit Integriti
- d. Unit Perolehan, Pengurusan Aset dan Stor
- e. Unit Teknologi Maklumat
- f. Unit Latihan

☐ AKTIVITI BP&K

- a. Pengurusan Surat
- b. Penyelenggaraan Aset Jabatan
- c. Perolehan
- d. Kawalan Rekod
- e. Pengurusan Program dan Latihan Jabatan

☐ FUNGSI BP&K

- i. Memberi perkhidmatan sokongan kepada bahagian-bahagian teknikal dalam hal-hal yang berkaitan dengan kewangan, perkhidmatan, latihan, persuratan dan pentadbiran;
- ii. Menguruskan rekod-rekod perkhidmatan dan perjawatan pegawai dan kakitangan termasuk pengesahan jawatan, pemberian taraf berpencen, urusan kenaikan pangkat, merekod segala jenis cuti, pergerakan gaji tahunan, Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dan penyelarasan perkhidmatan melalui sistem HRMIS;

- iii. Menguruskan perolehan Jabatan samada secara pembelian terus atau sebut harga dan membuat penilaian ke atas perolehan yang telah dibekalkan;
- iv. Memastikan pengurusan aset dan stor Jabatan dilaksanakan dengan sistematik selaras dengan arahan dan prosedur semasa yang berkuatkuasa;
- v. Menguruskan sistem pengurusan fail yang bersistematik untuk tujuan tindakan atau rujukan;
- vi. Menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan integriti dan dilaksanakan dengan terancang agar elemen penginstitutionan integriti pencegahan, pematuhan dan pengesanan salah laku dapat dikuatkuasakan secara efisien;
- vii. Menyedia dan memperkemaskan infrastruktur dan kemudahan ICT serta membudayakan ICT dalam kalangan pegawai dan kakitangan di samping memberi khidmat sokongan kepada para pengguna ICT yang berkenaan;
- viii. Merancang dan menyediakan program dan latihan untuk pegawai dan kakitangan bagi meningkatkan pengetahuan dan prestasi serta kemahiran dalam tugas seharian;
- ix. Mengurus dan mengawal selia pengurusan kewangan Jabatan supaya dilaksanakan dengan efisien dan berkesan; dan
- x. Melaksanakan arahan-arahan perkhidmatan awam melalui pelaksanaan pekeliling-pekeliling perkhidmatan awam dan perbendaharaan negeri serta negara.

2.4

PIAGAM PELANGGAN

Menjadi Peneraju Perancangan Bandar dan Desa Ke Arah Mewujudkan Persekitaran Kehidupan Yang Berkualiti, Sejahtera dan Mampan.

Dengan itu kami berjanji untuk :

1. Keurussetiaan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Tiga (3) Kali Setahun.
2. Memberi Ulasan Perancangan Tidak Melebihi Empat Belas (14) Hari Bekerja.
3. Menyelaras Penyediaan RT dan RKK Serta Memantau Pelaksanaannya Berdasarkan Program Rancangan Malaysia Lima (5) Tahun.
4. Mengadakan Mesyuarat Dengan Ketua Unit Pusat Setempat (OSC) Dua (2) Kali Setahun.
5. Menyampaikan Keputusan Bertulis Lembaga Rayuan Kepada Perayu dan Respondan Dalam Tempoh Sepuluh (10) Hari Dari Tarikh Keputusan Diterima Daripada Pengerusi Lembaga Rayuan.
6. Membekalkan Maklumat Perancangan (Kategori Tidak Terperingkat) Dalam Tempoh Lima (5) Hari.
7. Tempoh Menunggu Untuk Menerima Layanan Kaunter Dengan Berbudi Bahasa Dalam Tempoh Lima (5) Minit.
8. Mengadakan Sebaran Rancangan Pemajuan (RSN/ RT/ RKK) Tiga (3) Kali Setahun.

2.5

KOMPONEN PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH

Terdapat empat (4) komponen utama yang membentuk Pelan Pengurusan Risiko Rasuah iaitu :

- i. Mengadakan kawalan;
- ii. Membuat pengukuran;
- iii. Menyediakan pelan tindakan dan pemantauan; dan
- iv. Mengenal pasti risiko.

Risiko-risiko yang telah dikenal pasti dan diukur berdasarkan impak dan juga kebarangkalian ia berlaku di Jabatan. Segala peruntukkan akta, dasar, prosedur dan garis panduan sedia ada akan dikenal pasti sebagai kawalan sedia ada bagi memastikan risiko tersebut dapat dielakkan. Bagi risiko-risiko yang tidak dapat dikawal melalui kawalan sedia ada, beberapa cadangan penambahbaikan atau cadangan baru telah dicadangkan sebagai kawalan tambahan. Pelan tindakan dibentuk untuk menangani risiko-risiko rasuah dengan memasukkan tanggungjawab Bahagian/ Unit serta tarikh sasaran pelaksanaan tindakan tersebut.

BAB 3

PELAN TINDAKAN ANTI RASUAH JABATAN

3.1 PENGAWALAN PERANCANGAN

BIDANG KEUTAMAAN

PENGAWALAN PERANCANGAN

RISIKO ID : Po1
Menyediakan Ulasan Perancangan (KM/ TS/ Pemberimilikan Tanah Kerajaan/ Pengecualian KSAS)

TAJUK RISIKO Pegawai memalsukan surat ulasan perancangan

BIL.	RISIKO/ POTENSI RISIKO (KELEMAHAN : GOVERNANS, INTEGRITI & ANTI RASUAH)	PUNCA RISIKO	KESAN RISIKO	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.	Pegawai meminda (menambah/ mengurangkan) syarat- syarat perancangan di dalam surat ulasan asal yang telah ditandatangani oleh Ketua Bahagian	- Pegawai kurang integriti - Kurang pemantauan dari Pegawai Penyelia - Keberhutangan yang serius - Penempatan pegawai terlalu lama di sesuatu tempat - Kepentingan peribadi melebihi kepentingan awam - Hidup tidak berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah	- Imej Jabatan terjejas - Kepercayaan pelanggan terhadap Jabatan akan menurun - Moral pegawai lain turut terjejas - Akan menjadi satu amalan yang tidak sihat	- Mengadakan pemeriksaan (spot check) secara mengejut terhadap surat alasan yang berisiko (secara rawak) sebulan sekali - Tindakan tegas terhadap pegawai yang terlibat dan yang gagal mematuhi arahan - Mewujudkan arahan verifikasi surat keluar iaitu pegawai akhir yang menyemak perlu initial pada bahagian surat yang melebihi 2 m/s dan seterusnya - Penggiliran pusingan kerja setiap 3 tahun (maksimum)	- Bahagian Pengawalan Perancangan - Pengurusan Tertinggi - Timbalan Pengarah - Pengurusan Tertinggi	- Sebulan sekali - Jika berkaitan - Sebulan sekali 3 tahun sekali

PENGAWALAN PERANCANGAN	
RISIKO ID : Po2	Keurussetiaan Jawatankuasa Teknikal Penyelarasan Kawasan Sensitif Alam Sekitar
TAJUK RISIKO	Pegawai meminta rasuah untuk permohonan diangkat ke JTP KSAS dipercepatkan tanpa menunggu giliran

BIL	RISIKO/ POTENSI RISIKO (KELEMAHAN : GOVERNANS, INTEGRITI & ANTI RASUAH)	PUNCA RISIKO	KESAN RISIKO	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.	Pegawai meminta bayaran atau habuan untuk mempercepatkan kertas permohonan diangkat ke JTP KSAS untuk pertimbangan	- Pegawai kurang integriti - Kurang pemantauan dari Pegawai Penyelia - Keberhutangan yang serius - Penempatan pegawai terlalu lama di sesuatu tempat - Kepentingan peribadi melebihi kepentingan awam - Hidup tidak berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah	- Imej Jabatan terjejas - Moral pegawai lain turut terjejas - Akan menjadi satu amalan yang tidak sihat	- Mewujudkan Carta Alir Tatacara Permohonan - Tindakan tegas terhadap pegawai yang terlibat dan yang gagal mematuhi arahan - Mewujudkan sistem 'cross check' yang dilaksanakan oleh pegawai daripada bahagian-bahagian lain	- Bahagian Pengawalan Perancangan - Pengurusan Tertinggi - Bahagian Pengawalan Perancangan	3 tahun sekali - Jika berkaitan - Sebulan sekali

PENGAWALAN PERANCANGAN	
BIDANG KEUTAMAAN	
RISIKO ID : P03	Keurussetiaan Jawatankuasa Teknikal Kawasan Sensitif Alam Sekitar
TAJUK RISIKO	Pegawai memanipulasi Laporan Penyiasatan Tapak

BIL	RISIKO/ POTENSI RISIKO (KELEMAHAN : GOVERNANS, INTEGRITI & ANTI RASUAH)	PUNCA RISIKO	KESAN RISIKO	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.	Pegawai tidak menulis laporan seperti keadaan sebenar di atas tapak bagi tujuan menutup isu perancangan	- Pegawai kurang integriti - Kurang pemantauan dari Pegawai Penyelia - Keberhutangan yang serius - Penempatan pegawai terlalu lama di sesuatu tempat - Kepentingan peribadi melebihi kepentingan awam - Hidup tidak berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah	- Imej Jabatan terjejas - Kepercayaan pelanggan terhadap Jabatan akan menurun - Moral pegawai lain turut terjejas - Akan menjadi satu amalan yang tidak sihat	- Lawatan tapak perlu kehadiran Pegawai Penyelia - Wajib guna kenderaan Jabatan - Tindakan tegas terhadap pegawai yang terlibat dan yang gagal mematuhi arahan	- Bahagian Pengawalan Perancangan - Bahagian Pentadbiran & Kewangan - Pengurusan Tertinggi	- Setiap kali lawatan tapak - Setiap kali lawatan tapak - Jika berkaitan

PENGAWALAN PERANCANGAN	
RISIKO ID : P04	Layanan di Kaunter
TAJUK RISIKO	Pegawai menerima rasuah sebagai balasan menyerahkan surat tanpa melalui prosedur kerja yang sah

BIL	RISIKO/ POTENSI RISIKO (KELEMAHAN : GOVERNANS, INTEGRITI & ANTI RASUAH)	PUNCA RISIKO	KESAN RISIKO	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.	Pegawai meminta bayaran atau habuan untuk mengeluarkan surat secara serahan tangan	- Pegawai kurang integriti - Tidak mematuhi prosedur - Keberhutangan yang serius - Penempatan pegawai terlalu lama di sesuatu tempat - Kepentingan peribadi melebihi kepentingan awam - Hidup tidak berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah	- Imej Jabatan terjejas - Kepercayaan pelanggan terhadap Jabatan akan menurun - Moral pegawai lain turut terjejas - Akan menjadi satu amalan yang tidak sihat	Tindakan tegas terhadap pegawai yang terlibat dan yang gagal mematuhi arahan	Pengurusan Tertinggi	Jika berkaitan

3.2

PERANCANGAN KORPORAT

BIDANG KEUTAMAAN

PERANCANGAN KORPORAT

RISIKO ID : P01

Unit Perundangan dan Penyelarasn Dasar

TAJUK RISIKO

Mengubah dan membuat pindaan terhadap minit mesyuarat

BIL	RISIKO/ POTENSI RISIKO (KELEMAHAN : GOVERNANS, INTEGRITI & ANTI RASUAH)	PUNCA RISIKO	KESAN RISIKO	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
